

Headline	Kaji perubahan iklim serantau		
MediaTitle	Kosmo		
Date	02 Mar 2015	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	218,251
Page No	14	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	373 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,782
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,346



# Kaji perubahan iklim serantau

Malaysia disaran bawa usul itu pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-26 bulan depan

**KUALA LUMPUR** – Pakar penyelidik alam sekitar menyaranan Malaysia mem-bawa usul bagi ne-gara ASEAN men-jalankan kajian perubahan iklim dunia dan kesannya terhadap sosio ekonomi rantau ini pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-26 pada April depan.

Ini bagi mewujudkan platform untuk saintis ASEAN bekerjasama dalam mengkaji perubahan cuaca sedang berlaku di rantau ini termasuk musim kemarau berpanjangan dan taburan hujan luar biasa sejak beberapa tahun lalu.

Pakar Klimatologi dan Oseanografi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Fredolin T. Tangang berkata, keadaan cuaca ekstrem yang

berkaitan iklim seperti banjir besar dan kemarau semakin meningkat di ran-

tau ini.

“Malaysia kini menjadi pengerusi ASEAN, kena pada masanya pakar-pakar di Malaysia menerajui dan bekerjasama dengan saintis di rantau ini untuk menyelidik perubahan iklim di rantau ini,” katanya.

Katanya, kajian terperinci akan membolehkan para saintis meramal perubahan cuaca di rantau ASEAN dan mengambil langkah proaktif untuk memastikan penduduk menghadapi sebarang ancaman bencana alam, termasuk mengurangkan jumlah kematian dan kerugian harta benda. Fredolin yang juga Naib

Pengerusi Kumpulan Kerja I, Panel Antara Kerajaan Berkaitan Perubahan Iklim (IPCC) berkata, selain itu, kajian tersebut juga dapat membantu

ASEAN membuat pelbagai perancangan pembangunan dan industri yang dapat mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar untuk jangka masa panjang.

Laporan IPCC tentang cuaca ekstrem diterbitkan pada 2012 menunjukkan kekerapan kejadian cuaca ekstrem meningkat di serata pelosok dunia dan kekerapan itu meningkat sekiranya negara-negara di dunia gagal mengurangkan kadar pembebasan gas-gas rumah hijau ke atmosfera, katanya.

Beliau berkata, masalah timbul apabila model-model iklim yang digunakan oleh IPCC berskala besar, dan ia tidak sesuai digunakan di peringkat rantau, nasional dan tempatan.

Beliau tidak menafikan penyelidikan perubahan

iklim serantau bukan mudah kerana di rantau Asia Tenggara tidak ada institusi yang berkemampuan dan mempunyai kemudahan peralatan seperti super komputer yang diperlukan untuk membuat simulasi iklim serantau berdasarkan data perubahan cuaca di negara ASEAN.

Pensyarah Kanan, Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, Prof. Datuk Dr. Azizan Abu Samah turut bersetuju agar Malaysia membincangkan topik perubahan iklim pada Sidang Kemuncak ASEAN tersebut.

Beliau yakin ketua negara ASEAN akan turut ingin berbincang tentang perkara itu kerana mereka juga mengalami perubahan iklim yang ekstrem di negara masing-masing.

Katanya, perubahan iklim di rantau ASEAN mempunyai hubung kait yang cukup kuat sehingga boleh mempengaruhi cuaca serantau bertukar menjadi cuaca ekstrem. - Bernama

## INFO Paras empangan di Selangor semalam

Empangan	Bacaan Terkini (m)	Bacaan Minimum (m)	Bacaan Kritikal (m)
Batu	101.29	102.7	84.1
Klang Gates	93.89	95.22	84.00
Langat	220.32	220.96	204.21
Semenyih	110.29	111.00	84.1
Sungai Selangor	211.40	220.00	190.00
Sungai Tinggi	54.50	59.5	49.0
Tasik Subang	38.37	38.56	34.75
Sungai Labu	38.20		

Sumber: Lembaga Urus Air Selangor \* meter (m)

Headline	Kaji perubahan iklim serantau		
MediaTitle	Kosmo		
Date	02 Mar 2015	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	218,251
Page No	14	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	373 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,782
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,346



AZIZAN



FREDOLIN



KEADAAN cuaca panas dan suhu yang tinggi sehingga 34 darjah Celsius di seluruh negeri Perlis sejak sebulan lalu telah mengakibatkan beberapa anak sungai serta tanah di Kuala Perlis menjadi kering dan merekah semalam.